

08/10/2001

Rujuk pendapat ulama muktabar mengenai takrif negara Islam

ISTILAH 'negara Islam' atau dalam bahasa Arab sering dirujuk sebagai 'Aldaulatul Islamiah' atau 'Alhukumah Alislamiyah', sebenarnya tidak didapati secara langsung dalam al-Quran. Begitu juga dalam hadis Rasulullah saw. Istilah itu lahir hasil perkembangan ilmu semasa dan dihuraikan oleh ulama berdasarkan 'ruh' makna yang terdapat dalam al-Quran dan Sunah. Dalam kitab suci al-Quran, banyak istilah lain yang boleh dijadikan asas kepada persoalan ini seperti 'khalifah', 'khulafa', 'imam', 'ulul amri', 'hukum', 'hukkam' dan banyak lagi yang merujuk kepada keperluan membentuk sebuah negara dan kewajipan rakyat mentaati pemerintah.

Mengikut penilaian hukum fikah, negara di dunia ini terbahagi kepada tiga kategori, iaitu negara Islam atau Darul Islam; negara kafir yang berperang dengan Islam atau Darul Harbi; dan negara kafir yang tidak memerangi Islam atau Darul Ahdi.

Dalam menentukan sama ada sesebuah negara itu boleh dianggap negara Islam atau sebaliknya, kita perlu merujuk kepada pendapat ulama Islam mengenai takrif negara Islam. Imam Muhamad bin Hassan Asshaibani mentakrifkannya sebagai "negara yang dikuasai dan diperintah oleh umat Islam dan orang-orang Islam menikmati keimanan dan kesejahteraan di dalamnya", sementara al-Sheikh Muhamad Abu Zuhrah menjelaskan: 'Negara Islam ialah negara yang berada di bawah kuasa pemerintah orang Islam. Kekuatan dan pertahanan dikuasai orang Islam. Negara sedemikian wajib dipertahan oleh setiap individu Muslim.'

Selain itu, menurut Imam Al-Fahistani, seorang ulama Hanafi, negara Islam ialah negara yang hukum pemerintah Islam berkuat kuasa ke atasnya. Bahkan, Imam Shafie menjelaskan: 'Mana-mana negara yang pernah menjadi negara Islam, status ini tidak akan hilang menurut hukum fiqah Islam sekalipun umat Islam dikalahkan di negara berkenaan.'

Berpandukan takrif dan penjelasan ini, adalah jelas bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam. Keraguan yang dibangkitkan oleh sesetengah pihak tidak berasaskan fakta dan ia tertolak. Oleh itu, penjelasan sekian lama oleh pemimpin negara kita mengenai status Malaysia sebagai negara Islam, adalah suatu yang berasaskan ilmu dan selaras dengan pandangan ulama muktabar. Tidak hairanlah apabila penegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia sudah menjadi negara Islam, disambut dengan penuh rasa bangga dan syukur. Malah, pengisytiharan itu diyakini dapat menambah keyakinan rakyat, termasuk yang bukan beragama Islam bahawa adalah negara Islam yang patut dicontohi kerana mampu menjamin keadilan kepada semua pihak. Rakyat daripada pelbagai latar belakang kaum, budaya dan agama mendapat perlindungan seperti dituntut oleh ajaran Islam. Lebih membanggakan kita ialah negara Islam Malaysia mampu menterjemahkan tuntutan syariat Islam dalam dasar pemerintahan negara sehingga kita sering dijadikan rujukan oleh negara Islam lain.

Negara Islam ditegakkan atas beberapa ciri utama, antaranya ialah:

* Negara yang tunduk akur di bawah kuasa Islam dan orang Islam sebagai ketua pemerintah;

* Tanah air orang Islam adalah negara Islam; dan

* Negara yang aman dan bebas didirikan syiar Islam;

Secara ringkasnya, ia bermaksud orang Islam yang mempunyai kedaulatan ke atas diri mereka di bumi berkenaan, boleh menegakkan hukum dan syiar di dalamnya.

Selain itu, adalah penting bagi memahami bahawa menurut hukum Islam, negara Islam tidak bertukar menjadi negara kufur atau Darul Harbi selepas menjadi negara Islam, sekalipun ia mengalami kelemahan serta dikuasai musuh atau penjajah.

Hukum ini bermakna ia tetap kekal sebagai negara Islam dan bahawa umat Islam berkewajipan mempertahankan dan memerangi pencerobohan. Contohnya ialah seperti berlaku di Palestin sekarang atau di republik Islam yang pernah berada di bawah pemerintahan komunis Soviet. Oleh itu, adalah jelas jika negara seperti Palestin yang masih dikuasai rejim Yahudi dianggap negara Islam, tentulah Malaysia yang bebas merdeka, tidak syak lagi sebuah negara Islam.

Malaysia adalah tanah air orang Islam sejak turun-temurun. Ketua negara iaitu Yang di-Pertuan Agong, dibantu oleh raja-raja Melayu di peringkat negeri, semuanya orang Islam. Ketua kerajaan, iaitu perdana menteri juga orang Islam. Rakyat beragama Islam bebas mengamalkan segala tuntutan agama, semua rukun agama dapat diamalkan dengan bebas.

Malah, kerajaan mendirikan pelbagai institusi dan mewujudkan sistem pengurusan yang mantap bagi membantu rakyat melaksanakan tuntutan agama. Sebagai contoh, mahkamah syariah diperkenalkan bagi melaksanakan hukum Islam sepenuhnya, begitu juga bidang ekonomi melalui institusi seperti Tabung Haji, sistem perbankan, takaful dan banyak lagi bidang muamalat yang diterokai dari semasa ke semasa. Dalam bidang pendidikan pula, semua rakyat mempunyai peluang dan mendapat hak belajar bermula dari peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi, meliputi ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah,

Hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam telah diakui oleh pakar perundangan sejak awal kemerdekaan lagi. Yang Arif Datuk Hashim Yeop Sani dalam kajiannya terhadap Perlembagaan Persekutuan pada 1980 menyatakan: 'Malaysia secara sah bolehlah mengisytiharkan negara ini sebagai negara Islam walaupun hakikatnya ia adalah sebuah negara sekular dan tidak semua undang-undangnya diasaskan kepada hukum Islam.'

Berdasarkan penjelasan ini, perlu difahami bahawa pelaksanaan hukum syariah bukanlah syarat bagi menentukan sesebuah negara itu Islam. Dalam konteks Malaysia, adalah nyata terlalu banyak tuntutan syariat Islam dilaksana dan ditegakkan, bukan saja pada peringkat individu, bahkan telah menjadi dasar negara seperti dasar penerapan nilai-nilai Islam yang dilaksanakan khusus dalam sektor awam. Tentulah Malaysia lebih layak lagi diiktiraf sebagai negara Islam.

Sebagai rakyat beragama Islam, kita sepatutnya amat bersyukur atas keberanian pemimpin kita mengisytiharkan negara ini sebagai negara Islam. Rakyat bukan Islam juga patut bersyukur kerana dapat hidup aman, selesa dan bebas mencari kekayaan serta bebas mengamalkan budaya dan agama pilihan mereka tanpa paksaan. Pasti sukar anda mencari negara seperti Malaysia.

Oleh itu, semua rakyat bertanggungjawab memelihara negara yang tercinta ini. Kita juga perlu menyokong dan mendokong segala dasar kerajaan bagi memelihara kebajikan rakyat. Mempertikaikan status Malaysia sebagai negara Islam bermakna kita tidak menghormati Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya jika kita masih enggan mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam atau Darul Islam, bermakna kita meletakkannya dalam salah satu daripada dua jenis negara lain, iaitu Darul Harbi, negara kafir yang memusuhi Islam atau Darul Ahdi, negara kafir yang tidak memusuhi Islam. Sudah pasti ia suatu kenyataan yang tidak munasabah dan sukar diterima akal.

Marilah kita sama-sama kembali berpegang kepada fahaman Islam sebenar seperti dijelaskan oleh ulama muktabar serta patuh dan taat setia tidak berbelah bagi kepada negara Islam Malaysia dengan mempertahankannya dan menyumbang ke arah pembangunan. Ini selaras dengan sabda Nabi Muhammad saw

yang bermaksud: "Wajib ke atas setiap Muslim patuh dan taat kepada pemerintah sama ada ia suka atau tidak, selama mana ia tidak diperintah melakukan maksiat. Sekiranya ia diperintah melakukan maksiat, maka janganlah patuh dan taat."

(END)